



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 JANUARI 2022

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 23 Januari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh: **2,814 kes** (2,755,933 kes kumulatif, 97.3%)
- Kes baharu : **3,856 kes** (2,832,945 kes kumulatif);
- Kes import : **492 kes** (378 warganegara; 114 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,364 kes** [3,236 warganegara (96.2%); 128 bukan warganegara (3.8%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **143 kes** (121 kes disahkan COVID-19; 22 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **53 kes** (43 kes disahkan COVID-19; 10 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,306 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **13 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **6,071 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **235 kluster**.

Daripada **3,856 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **35 kes (0.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **3,821 kes (99.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 1** yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**Jadual 1: Nilai  $R_t$  Mengikut Negeri Berdasarkan Kes Yang Dilaporkan Pada 22 Januari 2022**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_t</math></b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.13
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.09
<b>KEDAH</b>	1.09
<b>MELAKA</b>	1.08
<b>JOHOR</b>	1.07
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.04
<b>SELANGOR</b>	1.03
<b>PULAU PINANG</b>	1.03
<b>SABAH</b>	1.00
<b>KELANTAN</b>	0.99
<b>PAHANG</b>	0.97
<b>PERAK</b>	0.97
<b>TERENGGANU</b>	0.79
<b>PERLIS</b>	0.00
<b>SARAWAK</b>	0.00
<b>WP LABUAN</b>	0.00
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.07</b>

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (*Amalkan Wash, Wear, and Warn*);
- Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and, Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala; dan
- **Dapatkan vaksin COVID-19** bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius dan bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok.

Dengan pengambilan vaksin dan dos penggalak, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

Bagi yang langsung belum menerima vaksin namun tidak pernah dijangkiti COVID-19, anda kini berada dalam kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. Nasihat KKM agar

segeralah mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri anda dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

23 Januari 2022 @ 6:00 petang